

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR
SEMPENA MAJLIS TOWNHALL DAN APRESIASI UPM BERSAMA
INDUSTRI 2026**

**16 JUN 2026 (SELASA), 2.00 PETANG
L'APPRENTI RESTAURANT & DELI, UPM**

Bismillahirrahmannirrahim.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan pengerusi majlis,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Shamsul Bahri Hj. Md Tamrin,
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Yang Berusaha, Dr. Mohammad Nazrin Abdul Malik,
Pengarah Pusat Hubungan dan Jaringan Industri;

Yang dihormati barisan CEO@UPM, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif
daripada pelbagai industri dalam dan luar negara;

Pegawai-pegawai kanan universiti
~~Ahli-ahli Pengurusan Universiti, para Dekan dan Pengarah Pusat
Tanggungjawab, serta Ahli Jawatankuasa Penganjur;~~

Seterusnya, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Majlis Townhall dan Apresiasi Universiti Bersama Industri 2026. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan industri yang telah meluangkan masa untuk bersama-sama dengan UPM dalam majlis yang amat bermakna ini.

2. Majlis Townhall pada hari ini bukan sekadar platform untuk menghargai sumbangan dan komitmen pihak industri kepada universiti, malah menjadi medan untuk kita memperkukuhkan hubungan strategik ke arah membangunkan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih dinamik, relevan dan berimpak tinggi kepada negara. Di sinilah barisan pengurusan universiti dan para peneraju industri duduk bersama untuk membincangkan hala tuju kerjasama, meneroka peluang kolaborasi baharu, serta memperkasa pembangunan graduan masa hadapan.
3. Pada hari ini juga, UPM dengan penuh rasa bangga mengiktiraf dan menyerahkan watak pelantikan rasmi kepada CEO@UPM yang baharu bagi sesi 2025/2026. Simbolik pelantikan ini adalah tanda apresiasi tertinggi universiti atas kesediaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk berkongsi kepakaran dan sumber kepada pihak UPM.
4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, seramai 56 orang CEO@UPM telah dilantik sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2021 dan 31 daripadanya masih aktif. Berdasarkan laporan yang diterima dari Pusat Tanggungjawab, sebanyak 75 aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2025 bersama CEO@UPM melibatkan sesi perkongsian, lawatan UPM ke industri, geran industri, iCOE & iCUBE, jaringan, *internship* dan *job placement*. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Landskap pendidikan tinggi kini sedang mengalami perubahan yang sangat pantas. Revolusi teknologi, kecerdasan buatan, ekonomi digital, agenda kelestarian serta cabaran keterjaminan makanan dan perubahan iklim menuntut universiti untuk bergerak melangkaui fungsi tradisional sebagai institusi pengajaran dan penyelidikan.

6. Tahun 2026 merupakan tahun yang amat signifikan bagi UPM. Kita sedang melangkah masuk ke dalam fasa Pelan Strategik UPM 2026–2030. Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan ini, penglibatan sektor industri penting sebagai Pemacu Transformasi (Rangkaian Industri). Sinergi yang kita bina inilah yang akan menyokong 5 Fokus Utama UPM Tahun 2026 iaitu Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kesihatan Planet dan Kelestarian, Kesohoran Global, Kesejahteraan Warga dan Jiwa PUTRA.
7. Segala perancangan strategik ini juga adalah berpaksikan kepada kompas Pemerkasaan Industri dalam True North UPM yang memberi penekanan kepada beberapa agenda utama iaitu:
 - i. Melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan memenuhi keperluan industri masa hadapan;
 - ii. Memperkasa penyelidikan dan inovasi yang berorientasikan penyelesaian masalah industri dan negara;
 - iii. Memacu agenda keterjaminan makanan dan pertanian lestari melalui teknologi dan inovasi;
 - iv. Menggalakkan pemindahan teknologi serta pengkomersialan hasil penyelidikan;
 - v. Memperluaskan kerjasama strategik industri-universiti yang berimpak tinggi dan saling menguntungkan.
8. UPM amat menyedari bahawa universiti tidak mampu bergerak bersendirian. Kejayaan universiti pada masa hadapan sangat bergantung kepada kekuatan jaringan dan kepercayaan yang dibina bersama pihak industri. Atas sebab itu, kami melihat industri sebagai rakan strategik dalam keseluruhan rantai pembangunan bakat, penyelidikan, inovasi dan pembangunan ekonomi negara.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Sinergi bersepadu sepanjang tahun ini pastinya akan menjadi batu loncatan dalam menyokong *University Research and Innovation Investment Summit* (URIIS) 2026 yang bakal berlangsung pada 21-23 September 2026 nanti. Ia merupakan platform menghimpunkan institusi pendidikan tinggi, pemain industri, dan agensi pelaburan untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan. Dikesempatan ini, saya ingin mengajak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk sama-sama menyertai Sidang Kemuncak Pelaburan Penyelidikan dan Inovasi Universiti ini kerana kehadiran YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan bukan sekadar sebagai pelabur, tetapi sebagai rakan strategik yang akan menterjemahkan hasil penyelidikan dan inovasi universiti kepada solusi komersial yang mampu memacu ekonomi negara.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, besarlah harapan saya agar pengurusan universiti, ahli akademik dan rakan industri dapat menggunakan kesempatan dan mengambil peluang sepenuhnya pada hari ini untuk melemparkan idea serta membincangkan potensi kolaborasi yang lebih berimpak tinggi. Semoga momentum kerjasama yang terbina akan terus subur dan berkembang mampan sebagai sebuah pelaburan strategik jangka panjang demi pembentukan modal insan dan kemajuan teknologi negara.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada barisan CEO@UPM baharu yang dilantik bagi sesi 2025/206 dan setulus terima kasih kepada rakan industri yang kekal aktif atas komitmen berterusan yang diberikan. Tahniah juga diucapkan kepada pihak Pusat Hubungan dan Jaringan Industri yang melaksanakan inisiatif ini.

12. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

Dayung sampan ke muara jeti,
Membawa pulang si ikan parang;
Sokongan industri penuh bererti,
Menjulung UPM terus gemilang.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.